

## Sasar 50 koperasi sekolah catat perolehan jualan RM1j (CM MYS 27)

28/01/2017

**KLANG 27 Jan.** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyaskan 50 buah koperasi sekolah melepas perolehan jualan RM1 juta menjelang 2020.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini sebanyak empat koperasi sekolah sudah melepas perolehan jualan tersebut.

"Sepanjang tahun lalu, 91 peratus atau 2,155 koperasi sekolah memperoleh keuntungan melebihi RM500,000 dan empat koperasi melebihi jualan RM1 juta.

"Oleh itu, kita berharap koperasi sekolah lebih kreatif seperti menceburい bidang peruncitan dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti perniagaan tradisional sahaja iaitu alat tulis dan buku," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Khas Pembangunan Perniagaan Koperasi Sekolah di sini hari ini.

Menurutnya, sehingga Disember tahun lalu, sebanyak 2,349 koperasi sekolah ditubuhkan dengan jumlah keahlian mencecah 2.08 juta orang dan asetnya pula bernilai RM308.6 juta.

Dalam pada itu, Fattah mencadangkan agar Kementerian Pendidikan memberi



Kita berharap koperasi sekolah lebih kreatif seperti menceburい bidang peruncitan dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti perniagaan tradisional sahaja iaitu alat tulis dan buku."

**ABDUL FATTAH ABDULLAH**  
**Presiden Angkasa**

peluang kepada koperasi sekolah di seluruh negara untuk menguruskan kantin sekolah.

Jelasnya, Angkasa bukan hendak mengkomersialkan koperasi sekolah, tetapi sekiranya diberi peluang koperasi sekolah melantik sendiri pengusaha kantin, ia secara tidak langsung dapat memasarkan produk keluaran koperasi.

"Selain dapat meningkatkan perolehan, inisiatif ini juga dilihat mampu mengasah bakat keusahawanan pelajar dalam menguruskan perniagaan.

"Kita juga mencadangkan kepada kementerian supaya seorang guru khas dilantik bagi menguruskan perniagaan koperasi sekolah," katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia